

ADAT ISTIADAT RAJA

NEGERI SEMBILAN

Oleh.

HJ: ISMAIL ABDUL HADI

KERTASKERJA

ADAT ISTIADAT RAJA NEGERI SEMBILAN : REALITI DAN AGAMA

OLEH

HAJI ISMAIL BIN ABDUL HADI
Setiausaha Kehormat
Persatuan Sejarah Malaysia
Cawangan Negeri Sembilan.

Dibentangkan

**Di Seminar Pemurnian Institusi Dato'-Dato' Adat
Istana Besar Seri Menanti
Pada 25-29 Oktober, 1999
Di Resort Seri Menanti, Negeri Sembilan.**

ADAT ISTIADAT RAJA (Negeri Sembilan): REALITI DAN AGAMA.

Oleh:

HAJI ISMAIL BIN ABDUL HADI

Setiausaha Kehormat

Persatuan Sejarah Maysia Cawangan Negeri Sembilan.

1. Pendahuluan:

Setiap bangsa yang bertamadun pastinya mempunyai kebudayaan yang dianuti atau diikuti dalam kehidupan sehari-hari mereka, tidak kira sama ada darjat kebudayaannya tinggi ataupun rendah. Bidang kebudayaan itu luas dan ianya mempunyai ciri-ciri tertentu dan khusus bagi sesuatu bangsa dan masyarakat. Malah setiap satunya itu berbeza berdasarkan di mana mereka tinggal dengan persekitarannya. Di situ mereka menjalankan bermacam-macam kegiatan dan aktiviti sesuai dengan kesanggupan dan kemampuan serta taraf hidup mereka ketika itu.. Segala aktiviti yang dijalankan biasanya adalah berkaitan dengan adat resam dan upacara tertentu. Schubungan dengan itu lahirlah berbagai bentuk `istiadat` dalam melakukan sesuatu adat resam dan upacara tersebut. Adat istiadat itulah yang diamalkan dan diperturunkan dari satu generasi kepada satu generasi berterusan menjadi `identiti` kepada bangsanya serta dimegahkan menjadi `lambang` kewibawaan dan kemajuan. Berdasarkan kenyataan tersebut `Bangsa Melayu` memanglah suatu bangsa yang sudah lama bertamadun, makanya sudah pasti banyak aktiviti kebudayaan yang telah dijalani dan diamalkan yang kini menjadi `adat resam` dan melaluinyalah lahir berbagai `adat istiadat` dan upacara dalam mewarnai kehidupan sehari-hari mereka.. Yang demikian juga bangsa Melayu menjadi suatu bangsa yang berwibawa dan bermaruah. Setiap anggota masyarakat Melayu tidak mengira pangkat dan darjat meneruskan kesinambungan menjalankan adat istiadat dalam sesuatu upacara yang dilakukan. Golongan atasan dengan caranya yang tersendiri manakala golongan rakyat ada dengan caranya yang juga tersendiri.

Adalah jelas bangsa Melayu bukan bangsa yang 'statik' atau tidak bergerak (munggo', malah sentiasa menjalankan aktiviti yang tidak putus-putus sejak sejak wujudnya bangsa Melayu ini dalam pelbagai bidang kehidupan, sosial dan ekonomi dan poliyik sekarang ini..Dalam hal ini ` masyarakat Melayu Negeri Sembilan` turut mempunyai peranan melaku dan menjalankan aktiviti kehidupan mereka yang berkaitan dengan adat resam budaya seharian. Dengan wujudnya asat istiadat dan upacara yang diwarisi dari nenek moyang mereka, menyebabkan orang Melayu Negeri Sembilan merasa bangga dengan pesaka warisan yang dituruntemurunkan kepada mereka. Sehubungan dengan itu menjadikan Negeri Sembilan kaya raya dengan kebudayaan dan kesenian seperti juga negeri-negeri lain di Malaysia. Malah lebih istimewa lagi apabila sebahagian besar masyarakat Melayu Negeri Sembilan menganuti ` Sistem Adat Perpatih` yang meletakkan dengan sendirinya orang Melayu di Negeri Sembilan sebagai bangsa yang ` beradat` dan bermaruah.

2. Penjelasan Konsep

Penulis merasa amat perlu menjelaskan beberapa konsep ke atas tajuk yang diberikan, iaitu ` Adat Istiadat Raja Negeri Sembilan: Realiti dan Agama` itu. Apabila disebut adat istiadat di Negeri Sembilan sudah pasti mencakupi beberapa bidang dan terlalu banyak jenisnya, namun untuk tujuan perbincangan ini, penulis memilih (mencopot) beberapa konsep penting untuk diperjelaskan terlebih dahulu sebagai dasar ikutan semasa perbincangan nanti. Walau bagaimanapun konsep yang suba diketengahkan ini hanya dilihat secara ` asas` sahaja sebagai tapak perbaicangan kita. Maksud dan huraian lebih lanjut boleh diperkemas dalam waktu yang berasingan. Tajuk perbincangan yang amat menarik ini sememangnya menjadi ` basahan` kepada kebanyakan Dato`-Dato` dan kita di sini dan sudah pasti dapat menjadikan perbincangan ini ` gamat` dan ` hangat ` kerana pengetahuan yang ada itu dapat dicanai dan ` diairkan` di gelanggang ` ayam tambatan` belaka yang memungkinkan dapat membuat pemilihan yang sempurna.

2.1 Adat

Perkataan 'adat' mudah disebut dan sekali imbas mengenainya semua orang tahu apakah itu 'adat' kerana dalam percakapan dan perbualan kita seharian acap kali perkataan 'adat' ini digunakan. Namun begitu secara khususnya molek rasanya penulis memberikan beberapa ungkapan tentang 'adat' itu sebagai suatu maksud atau pengertiannya yang sebenar. Banyak pengertian yang dibuat para sarjana namun sebagai suatu yang menyeluruh dan boleh dipakai ialah 'Adat merupakan suatu bentuk tingkah laku dan cara manusia berfikir yang telah wujud dan diamalkan sebegitu lama sahingga dianggap sebagai tradisi. Termasuk dalam konsep ini ialah cara hidup sehari-hari dan pola budaya yang jelas melalui kekerapannya (Norazit Selat 1993: 1). Secara mudahnya 'Adat ialah peraturan yang lazim dipakai atau dilakukan sejak dahulu kala atau cara yang sudah menjadi kebiasaan'. Pendek kata 'adat adalah cara atau peraturan yang sudah dipakai sejak dahulu kala dan terus dipakai beberapa lama sahingga kini, kekal segar dan utuh dalam pemakaiannya. Jika demikian maksudnya 'adat', maka banyak sekali perkara yang berkaitan dengannya sejak seseorang itu dilahirkan sahinggalah dia 'padam'. Dalam 'kitaran hidup' nya.

2.2 Istiadat

Istiadat biasa juga disebut 'adat istiadat' merangkumi dua perkataan 'adat' dan 'istiadat' yang merupakan acara yang dilakukan secara rasmi dalam sesuatu 'upacara' yang tertentu dan pelaksanaan sesuatu istiadat biasanya melibatkan lebih daripada seorang individu dan orang yang menyaksikan istiadat itu juga ramai (Norazit Selat 1993:53). Perkara yang disebut istiadat itu banyak merangkumi perlakuan kehidupan seharian manusia sejak celik mata, tidur dan bangun semula. Banyak contoh yang boleh di ambil dari persekitaran dan perkelilingan kita sendiri seperti 'istiadat menerima kelahiran bayi, istiadat mencecah kaki bayi ke tanah, istiadat naik buai (berondoi), istiadat bercukur dan beretindik, berkhatan, istiadat melantik pembesar, istiadat kemangkatan dan permakaman dan istiadat menjemput pulang. Senua istiadat yang ditemui dalam masyarakat kita orang Melayu Negeri Sembilan adalah merupakan acara-acara yang dilakukan mengikut suasananya yang tertentu dalam konteks budaya, sosial dan upacara amalannya yang tersendiri.

2.3 Raja

Raja ialah orang yang mengetuai atau memerintah sesuatu negara (bangsa) atau kepala negara (Kamus Dewan 1989:1014). Walau bagaimana pun raja asalnya daripada orang biasa yang diberikan beberapa keistimewaan bagi meletakkan dia lebih tinggi dan dimuliakan dan disamping itu diberikan kuasa mutlak yang menyebabkannya menerima 'tuah raja' yang 'sakral' yang meletakkan dirinya lebih berwibawa serta mempunyai darjat dan 'daulat'. Kedudukan raja lebih tinggi daripada rakyat diberi kuasa dan status dalam kedudukan sosialnya (Ting Chew Feh 1993:121). Dengan kedudukan kuasa dan status, raja mempunyai peluang untuk mencapai cita-cita walaupun barangkali ditentang oleh satu pihak yang lain. Lebih jelas lagi raja boleh mengawal dan mempengaruhi tingkah laku pihak yang lain (Ting 1993:72). Keadaan demikian menjadi tradisi yang diperturunkan daripada satu generasi kepada satu generasi keturunan melalui proses sosialisasi. Tradisi ini dinamakan 'tradisi bangsa' iaitu suatu cara hidup masyarakat yang diwarisi, diamal dan dikekalkan dengan nilai-nilainya yang tersendiri. Kerana itu lahirlah di kalangan raja bahasa pertuturan tersendiri atau disebut juga 'bahasa istana', lambang dan tingkah laku yang juga tersendiri, memakai warna kuning, menggelar diri sebagai 'beta' bagi menunjukkan adanya 'daulat'. Manakala kedudukan rakyat adalah di sebaliknya malah perlu memberikan 'taat setia' atau 'wasiat' di mana raja kemudiannya menjadi 'payung' dan kebanggaan rakyat serta amat dikasihi. Maksud raja dalam perbincangan ini ialah 'Raja yang memerintah', Bagi Negeri Sembilan Rajanya tidak bergelar Sultan tetapi memakai gelaran tersendiri iaitu Yang Dipertuan Besar.

2.4 Realiti

Secara terus perkataan 'realiti' bermaksud 'kenyataan yang nyata' dan bukannya khayalan (Kamus Dewan 1989:1039). Tegasnya perlakuannya dapat dilihat sebagai suatu kenyataan atau menunjukkan keadaan yang sebenar berlaku ditonton dan diperhati umum dengan terang terbentang. Maksud realiti juga merupakan suatu yang benar berlaku dan ketika diperkatakan ia tidak menyorokkan sesuatu, dan tidak menyatakan perkara yang tidak benar melainkan benar belaka. Pendek kata ia adalah suatu yang benar, suatu yang nyata dan suatu yang wujud terserlah dan bukan tersirat. Dalam realiti tidak ada pembohongan, penipuan untuk mengaburi mata sesiapa juga.

Agama mempunyai maksud yang luas dan dibicarakan para sarjana dari pelbagai sudut namun pada dasarnya agama itu ialah 'suatu sistem kepercayaan' masyarakat mengenai upacara amal yang berkaitan dengan sistem kepercayaan dan amalan itu seperti juga yang dimaksudkan oleh Kamus Dewan (1989: 11) iaitu kepercayaan kepada Tuhan, sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintahNya ataupun kepercayaan kepada yang Maha Kuasa. Walau bagaimanapun sistem kepercayaan itu bukanlah agama walaupun agama itu menurut Durkheim (1915) merupakan rangkaian kepercayaan dan amalan yang berkaitan dengan perkataan 'Qudus'. Agama juga merupakan sumber utama dari nilai-nilai yang wujud pada kebudayaan manusia (Soedjatmoko 1994:78) yang merupakan suatu proses dan bukannya benda-benda.. Malah agama menjadi egen perpaduan serta memberi fokus identiti kepada penganutnya walaupun berbeza dari segi fizikal tetapi rohaniahnya sama. Sehubungan dengan itu agama yang dimaksudkan untuk perbincangan kita ialah agama Islam yang menjadi anutan umat Melayu Negeri Sembilan.. Islam adalah suatu agama yang terbuka dan menjadi anutan kepercayaan kita sejak berabad lalu (abad ke15). Islam itu luhur dan tidak ada yang melebihi keluhurannya dengan sifatnya yang universal, sentiasa kemaskini, dinamis dan mampu menjawab segala tentangan dan masalah pada zaman manapun. Lantaran itu Allah menyatakan dalam firmanNya:

' Dan sesungguhnya inilah jalanKu yang lurus maka ikutlah dia dan janganlah kamu mengikuti jalan-jalan yang lain, kerana jalan-jalan itu akan memisahkan kamu dari jalan-jalanNya, yang demikian itu diwasiatkan Allah kepadamu agar kamu bertakwa ' (Surah Al An'am ayat : 153) '

Agama juga adalah jalan hidup yang merupakan suatu pola atau sistem yang dijadikan dasar pandangan hidup serta tata aturan kehidupan manusia baik kehidupan individu mahupun masyarakat (Farid Maaruf Noor 1983 :11). Lantaran itu apabila dibuatkan perbandingan dengan agama Islam kita wajib mematuhi kehendaknya tanpa sebarang keraguan atau intepretasi dan dalil yang menidakkannya berdasar hukum logik dan akal semata. Hukum hakam dalam Islam ternyata benar dan jika diingkari pastinya beroleh ' dosa' .. Dalam mengaitkan sesuatu perkara dengan agama Islam tidak harus sebelah mata dipicingkan kerana Islam itu agama kebenaran dengan jalannya yang lurus. Tidak dibuatkan taklik dan tafsiran yang berbagai untuk melepasi sesuatu hakikat dan kehendak.

3. Kawalan Sosial

Yang dimaksudkan dengan 'kawalan sosial' ialah cara bagaimana tingkah laku seseorang atau masyarakat dapat dikawal atau dipengaruhi supaya mematuhi atau mengikut norma-norma, tingkah laku yang diperlukan bagi melicinkan keadaan, pergerakan atau perjalanan masyarakat. Kawalan ini juga memastikan tingkah laku seseorang tidak menyalahi peraturan yang telah ditetapkan dan juga tidak melampaui batas serta kehendak 'agama' (Islam). Dengan kata lain tindakan seseorang individu atau masyarakat seharusnya bersikap positif dengan mengikut lunas-lunas atau dasar yang telah diterima pakai agar tidak timbul huruhara dan penentangan. Ada beberapa cara kawalan sosial dilakukan seperti hukumn, diturunkan pangkat, dipecat, dikenakan denda, dihilangkan hak atau status, dipindahkan giliran dan sebagainya. Bagi menjamin keharmonian masyarakat tindakan dan hukuman ini adalah serata dari peringkat atasan hinggalah rakyat berdasarkan perkara yang dilakukan. Walau bagaimanapun kawalan sosial ini dilakukan bukanlah atas sebab adanya muslihat atau untuk menyusahkan sesiapa. Ia dilakukan setelah mana-mana individu atau ahli masyarakat yang bertindak di luar peraturan atau undang-undang adat yang telah ditetapkan. Melakukan kawalan sosial ialah untuk melicin dan mententeramkan masyarakat sendiri supaya tidak ada yang terasa tertindas atau terhimpit oleh mana-mana golongan. Sebagai manusia tentunya dalam keadaannya yang 'tertentu' sering hilang pertimbangan lantas melakukan sesuatu mengikut apa yang disuarakan oleh perasaan dan selalunya setelah beretindak, manusia itu akan berasa insaf dan menyesal kerana keterlanjuran yang telah dilakukan. Siapakah yang melakukan 'kawalan sosial' ini, mereka ialah terdiri daripada beberapa orang individu atau kumpulan yang telah diberi kuasa dan amanah oleh suatu pihak tertinggi di dalam masyarakat itu sendiri dan kuasa yang diberikan tidak boleh dipertikaikan demi perpaduan dan kelicinan perjalanan masyarakat sendiri..

4. Perbincangan

Matlamat sesi pembentangan tajuk ceramah ini ialah untuk mendapatkan suatu ` bentuk pemurnian ` di dalam semua perlakuan upacara dan adat istiadat raja di istana dan diluar istana. Segla upacara dan adat istiadat tersebut memang telah lama dilakukan dan ia masih dijalankan sekarang dan juga mungkin pada masa akan datang. Sehubungan dengan itu tentunya banyak jenis, cara dan bentuk upacara dan adat istiadat yang terdapatm hal ini tentu Dato'-Dato' Adat lebih maklum dan berpengetahuan tentangnya. Pejamkan mata buat seketika semuanya terbayang dan nampak akan perlakuannya. Berdasarkan maksud ` realiti ` yang telah diterangkan pada awal kertas ini sudah pasti semua upacara dan adat istiadat dapt dinyatakan secara yang benar. Apa yang berlaku, apa yang dilakukan, bagaimana ia dilakukan semuanya tergambar jelas, tidak bersalahan lagi kerana upacara dan adat istiadat itu telah dilakukan berulang kali dalam tempoh yang sudah lama. Pengalaman ini amat baik dan dapat membantu untuk dijadikan bahan perbincangan kita nanti. Kita ungkai satu persatu, kita berfikir secara rasional dan perhatikan perjalanan upacara dan adat istiadat itu dari awal hingga ke alhir dan juga kesan yang timbul setelah upacara dan adat istiadat itu selesai dijalankan. Oleh kerana kita mahu mencari pemurnianbya (murni bermaksud indah, ikhlas,halus dan elok sempurna), maka pertama kita perlu melandaskan kepada gukum hakam syarak agama Islam. Makanya semua upacara dan adat istiadat perlu dilihat dari perbagai sudut dan prospek. Sebagai contoh sesuatu upacara dan adat istiadat yang sedang berjalan dan dilakukan sekarang adakah ia memberi keuntungan dan kepuasan oleh semua pihak atau merugikan suatu pihak yang lain. Apakah kesan yang timbul hasil daripada upacara dan adat istiadat yang dijalankan sama ada baik atau buruk terutama kepada orang yang melakukan. Sejauh mana manfaatnya dalam jangka waktu yang panjang dalam membentuk dan membina generasi. Selain itu apakah masalah dan kerumitan yang timbul dalam melakukan upacara dan adat istiadat ini dan apakah ia mudah diselesaikan.. Setelah ditinjau semua aspek ini tentu akan timbul jawapannya sama ada upacara tersebut elok diteruskan, diteruskan dengan ditambah ` pemurnian ` nya sesuai dengan agama Islam yang kita rujukkan atau ditinggalkan terus dan digantikan dengan suatu cara yang mempunyai matlamat yang sama. Sesuatu upacara dan adat istiadat yang dimaksudkan itu ia tetap diadakan tetapi sudah di `konfromi` kan dalam permuafakatan dan secara rasional juga disusun semua kaedah dan cara yang tidak ` merugikan ` mana-mana pihak..

Sayugia diingat bahawa sekarang ini kita sedang menuju alaf baru 21 yang lebih canggih kemodenannya, sedangkan abad 20 yang sedang kita lalui sudah jauh menempa kemodenannya yang sering menggugat `tradisi` Jadi dalam keadaan yang sungguh canggih dan moden itu nanti di mana seharusnya kita meletakkan diri dan melakukan tindakan yang semacam mana pula agar supaya keputusan yang kita buat sekarang dapat diterima pakai oleh generasi akan datang setidak-tidak untuk satu abad lagi. Inilah yang menghantui pemikiran saya dalam memandang beberapa kemungkinan di mana tradisi akan tersisih dan dikesampingkan seperti `melukut di tepi gantang`, Barangkali Daro`-Dato` juga merasa terharu jika suasana ini berlaku. Jadi untuk menghindarkan perkara tersebut kita yang memikirkan semua masalah tradisi ini bertindak dengan sebijak-bijaknya membuat pemilihan upacara dan adat istiadat supaya menjadi semurni-murninya.

Kita tidak menafikan banyak upacara dan adat istiadat raja yang kita jalankan begitu positif dan memberi kebaikan dan manfaat tetapi barangkali ada juga di antara upacara dan adat istiadat itu atau bahagian-bahagian daripada upacara dan adat istiadat itu perlu dikemaskinikan atau diubah sedikit supaya lebih murni. Mungkin ada di antara upacara dan adat istiadat yang kita lakukan itu belum sempat diteliti dan dirujukkan kepada hukum hakam syarak, ditakuti ada diantara upacara atau adat istiadat itu ditafsir sebagai `bidaah` atau `kurafat` (sebagai contoh masih ada unsur Hindu yang masih dijalankan). Jadinya dengan rasa rendah diri dan seikhlas-ikhlasnya cyba kita selesaikan perkara yang tidak murni itu ditiadakan dan dicari pemurniannya. Perbincangan kita seharusnya dirujuk kepada perkara yang benar, jangan kita selindungi supaya kita dapat meneliti dan menilainya berdasarkan beberapa konsep yang telah dinyatakan terdahulu dan ini tentu bersesuaian dengan kata perbilangan:

Usang-usang diperbaharui
Yang buruk dibuang
Yang lapuk diganti
Yang koyak ditampal
Yang panjang dikerat
Yang pendek disambung dan seterusnya

Dengan kata lain penyelesaian perbincangan keatas upacara dan adat istiadat raja seharusnya ibarat ` menarik rambut dalam tepung, tepung tidak berserak dan rambut tidak putus'. Untuk merujuk dan mengenal pasti apakah upacara dan adat istiadat raja yang dijalankan penulis tidak begitu arif, penulis cuba menyenaraikan sekadar menyebut berdasarkan pengalaman yang sekumin ketika menyaksikan upacara dan adar istiadat raja beberapa ketika dahulu sebagai permulaan pergerakan minda. Barangkali ada kelainan upacara dan adat istiadat raja di Seri Menanti di mana Dato' - Dato' dapat membantu perbincangan. Antara upacara dan adat istiadat raja yang terfikir oleh penulis (tidak tersusun):

- Istiadat Menyembah
- Menjunjung Duli
- Istiadat Perlantikan
- Istiadat Pertabalan
- Istiadat Penghulu Luak Mengadap
- Istiadat Dato' Undang Mengadap
- Bahasa Percakapan Raja dan Rakyat
- Kedudukan Dato' - Dato Adat: Fungsi dan Tanggungjawab
- Pemakaian Gelaran
- Istiadat Kurniaan dan Cucuran
- Istiadat Santapan DiRaja
- Tertib Laku
- Memakai Pakaian Sedundun
- Memakai Warna Kuning
- Memakai Alat-Alat Kebesaran dan Lambang
- Istiadat Menguruskan Kemangkatan
- Majlis Kenduri dan Olek
- Hadiah dan Persembahan
- Kedudukan Kerabat DiRaja
- Istiadat Mencium Keris
- Istiadat Nikah Kahwin dan yang berkaitan dengannya
- Penggunaan Ahli Nujum atau Pawang
- Usung dan arak
- Tujuh Tingkat Persada
- Istiadat Menyambut Ulangtahun Hari Keputeraan
- Mencemar Duli

Untuk tujuan pemurnian ini ada baiknya kita berlandaskan beberapa perkara yang difikirkan dapat membantu dan memudahkan kita:

- Menyenaraikan jenis upacara dan adat istiadat yang sedang diamalkan.
- Apakah cara amalan yang dilakukan
- Adakah amalan tersebut masih sesuai mengikut logik
- Cuba lihat implikasi, kesan dan masalahnya jika ada
- Sejauh mana upacara dan adat istiadat ini nampak diterima rakyat
- Buat perbandingan atau rujukan kepada Agama Islam
- Mencadangkan bentuk pemurniannya

Apabila penelitian ini selesai, ia perlu dikemukakan kepada pihak istana dan jika pihak istana perlukan penjelasan dan keterangan pihak Dato'-Dato' boleh mengadap dan memberikan maksud pemurnian itu dan terpulanglah kepada pihak istana memutuskan apakah saranan pemurnian itu dapat diterima pakai dalam semua upacara dan adat istiadat raja. Jika perlu pembetulan seharusnya kita boleh melakukan berdasarkan pandangan pihak istana. Sekiranya sudah kebulatan di mana kedua belah pihak berpuas hati, maka dimahsyurkanlah ia sebagai suatu peraturan upacara dan adat istiadat Raja di Negeri Sembilan dan tidak diubah lagi sahinggalah timbul pula pemikiran baru mengenainya. Untuk tujuan memberi kefahaman kepada umum, semua peraturan upacara dan adat istiadat raja ini perlu dicetak dalam bentuk buku untuk jadi pedoman dan tidak diubah sewenang-wenang tanpa permuafakatan seperti yang kita lakukan sekarang.

5. Penutup

Seikhlas-ikhlasnya dinyatakan bahawa kertas ini semata-mata untuk tujuan perbincangan dan tidak merupakan keputusan kerana buruk baiknya terserah kepada ahli dalam perbincangan. Jauh sekali dari mencerca dan tidak pula mengata 'tidak kena' dan sebagainya. Sesungguhnya tradisi itu menjadi pegangan unggul bangsa Melayu dalam mencerna kehidupan, namun dalam mengikuti perkembangan kadang-kadang yang tradisi itu menjadi semakin cantik apabila di 'canai' dalam acuannya

yang baru. Begitulah harapan kita dengan melakukan pemerhatian dan penelitian ke atas upacara dan adat istiadat raja kita di Negeri Sembilan agar terpancar ` cahaya mutiara ` yang lebih bersinar dan gemerlapan dalam menjulak dan menjulang kewibawaan Raja kita ibarat pokok rendang, dahannya tempat bergantung dan dan daunnya tempat berlindung dan batangnya tempat bersandar dengan penuh syukur di samping menyatakan taat setia yang ~~tidak~~ kental dan mantap. Sekian. Wassallam.

Teratak: 1955 Jalan Kerapu 12, Taman Permai 3, 70200 Seremban, N.S.
Tel: 06-7676508.

R U J U K A N

Farid Maaruf Noor, 1983 ` **Islam Jalan Hidup Lurus**` Surabaya: PT Bina Ilmu.

Kamus Dewan. 1993. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Masjfuk Zuhdi. 1983. ` **Pengantar Ilmu Hadist**`, Surabaya : Pustaka Proggresif.

Nurazit Selat. 1993. ` **Asas-Asas Antropologi**` . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Soedjatmoko. 1994. ` Agama dan Hari Depan Umat` dalam ` **Islam Dan Dialog Budaya**. Jakarta : Penerbitan Swadaya..

Ting Chew Feh. 1993, ` **Asas-Asas Sosiologi**`, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.